

16/05/2001

India tawar kredit RM190j kepada pelabur

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan India hari ini menawarkan kemudahan kredit bernilai AS\$50 juta (RM190 juta) kepada pengusaha Malaysia untuk mengimport barangan perusahaan dan projek dari negara itu.

Perdana Menteri, Atal Bihari Vajpayee ketika mengumumkan demikian berkata, langkah itu akan membantu sasaran mereka untuk menggandakan dagangan dua hala dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Jika matlamat besar untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan hendak dicapai, apa yang kita perlukan ialah kerjasama rapat di antara usahawan dan kerajaan Malaysia serta India," katanya yang kini dalam rangka lawatan ke negara ini.

Beliau berkata demikian dalam ucap-tama khas pada Forum Perniagaan Malaysia-India bertema "Mempertingkatkan Perkongsian Malaysia-India: Wawasan Bersama bagi Abad Ke-21" anjuran Institut Kepemimpinan Strategik Asia (Asli).

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian menjawab beberapa persoalan daripada peniaga kedua-dua negara.

Kira-kira 800 peserta terdiri daripada usahawan kedua-dua negara menghadiri forum sehari itu. Sebanyak 15 memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani pada majlis itu sebelum ketibaan kedua-dua Perdana Menteri pada jam 4 petang.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perjumpaan selama kira-kira 15 minit dengan Vajpayee di Bilik Melaka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk mengucapkan selamat jalan. Perdana Menteri India itu akan berlepas pulang ke negaranya tengah hari esok.

Sehingga ini, pelaburan terkumpul Malaysia di India, yang kebanyakannya dalam sektor infrastruktur seperti lebuh raya, projek pembangunan jana kuasa dan pembangunan moden ialah RM1.7 bilion.

Di pihak India pula, sejak 1995 sejumlah 38 projek industri dengan pelaburan modal berjumlah RM669.5 juta sudah diluluskan.

Vajpayee berkata, walaupun Malaysia adalah pelabur kelapan terbesar di India, daripada segi kelulusan, pelaburan sebenar masih lagi hanya kira-kira AS\$50 juta (RM190 juta).

"Ini adalah nisbah sebenar yang kurang daripada 4 peratus. Saya ingin menggesa ahli-ahli perniagaan Malaysia supaya memanfaatkan lebih banyak peluang pelaburan yang ada di India.

"Syarikat-syarikat Malaysia harus merebut peluang untuk mengambil bahagian dengan lebih cergas dalam program pembangunan prasarana yang berskala besar seperti projek pembangunan lebuh raya, yang bertujuan menghubungkan seluruh pelusuk negara itu dengan koridor Timur, Barat, Utara dan Selatan," katanya.

Mengenai teknologi maklumat (IT), beliau berkata lebih banyak syarikat India berminat untuk menempatkan pusat pembangunan mereka di Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, mereka mahu terbabit secara langsung, bukan sebagai kontraktor kecil bagi menyediakan perisian untuk pelbagai keperluan ekonomi Malaysia yang sedang berkembang pesat.

"Ini akan menghasilkan penjimatan besar bagi Malaysia dan mempamerkan faedah kerjasama Selatan-Selatan walaupun dalam ekonomi baru. Peluang-peluang begini akan juga membantu perniagaan IT di kedua-dua negara bagi mengurangkan kesan buruk kelembapan ekonomi di negara maju pada masa ini," katanya.

(END)

